

Konsepsualisasi Ruang dan Habitat Tradisional Melayu

ABDUL HADI HARMAN SHAH & JULAIHI WAHID

ABSTRAK

Konsepsualisasi ruang dan habitat dalam mana-mana budaya adalah berdasarkan kepercayaan yang diartikulasi menerusi pelbagai pentas. Budaya moden seringkali mempamerkan konsep mereka menerusi pelan dan peta yang mencirikan kecekapan pengagihan pemilikan tanah, ruang peribadi dan awam, dan potensi pelaburan sosial dan ekonomi. Budaya tradisional pula mempersembahkan idea mereka tentang ruang dan habitat menerusi tradisi lisan dan tulis. Ada yang menyampaikan konsep-konsep mereka menerusi lagu, cerita dan motif di samping kaedah yang lebih lazim dalam budaya moden. Makalah ini menyampaikan asas budaya ruang dan habitat tradisional Melayu yang pada asalnya disampaikan menerusi budaya lisan, mengolah mitos dan kosmologi. Idea pembentukan tempat dan pembinaan habitat digambarkan bukan sahaja sebagai sesuatu yang fizikal tetapi juga sosial sifatnya.

Kata kunci: Ruang vernakular, mitos Melayu, kosmologi Melayu, ruang Melayu, habitat Melayu.

ABSTRACT

The conceptualization of space and habitat in any culture is based on beliefs that are articulated through various mediums. Modern cultures present theirs in the form of plans and maps that often emphasize the efficiency of land tenure subdivisions, private and public space as well as socio-economic investment potentials. Traditional cultures on the other hand present their ideas on space and habitat through oral traditions as well as the written. Some present their concepts through songs, stories and picturesque motifs along with the other common mediums. This article presents the cultural basis of traditional Malay space and habitat presented originally through oral traditions, via myths and cosmologies. Ideas of place making and habitat building are more than just physical, they are very much social in nature.

Key words: Vernacular space, Malay myths, Malay cosmology, Malay space, Malay habitat.

PENGENALAN: RUANG BUDAYA DAN GOVERNANS PERSEKITARAN

Konsepsualisasi moden terhadap ruang dan habitat memberi penekanan kepada kecekapan dan keberkesanan penggunaan ruang dan pembentukan habitat. Perancangan dan habitat yang terhasil dari penekanan sebegini terbatas kepada konsepsualisasi ruang sebagai komoditi yang diolah dan dibina secara generik dengan prinsip-prinsip global demi memenuhi keperluan pasaran. Namun terdapat suara-suara yang mula mempersoal dampak jangka panjang pendekatan sedemikian yang mengenyepikan langsung peranan ruang dan habitat sebagai sebahagian dari identiti dan mekanisme kelangsungan budaya dan cara hidup setempat (lihat contohnya Sack 1980). Kesedaran baru tentang persekitaran yang dialur pembangunan dan governans lestari berserta pergerakan pasca-moden yang memperdana kefahaman lokal mula meneliti semula konsepsualisasi lain ruang dan habitat. Konsepsualisasi lokal sebegini yang berlandaskan prinsip vernakular hasil evolusi sosio-ruang setempat sering diujahkan sebagai lebih berupaya mendekati masyarakat dengan ruang dan habitatnya, dan dengan itu memperkasakan keupayaan governans lokal. Ini dilihat sebagai satu kekurangan dalam pendekatan utilitarian moden yang melihat ruang dari perspektif koordinat Cartesian semata-mata.

Adalah jauh lebih mudah bagi seseorang perancang mengetengahkan usulan pelan pembangunan ekonomi dari cadangan pengurusan alam sekitar. Mengetepikan sebentar faktor keghairahan materialisme manusia yang mudah dinyatakan dalam bentuk pulangan ekonomi, usulan pembangunan lebih mudah diterima kerana ia lebih mudah difahami oleh rakyat dari pelbagai lapisan. Mempelopor dan mempertahankan hak abstrak persekitaran memerlukan pendidikan kefahaman dan ia harus dimulakan dengan meneliti bagaimana penduduk itu melihat, memahami, dan menjiwai persekitaran. Hanya dengan memahami budaya setempat suatu asas pendidikan kepekaan dan kefahaman persekitaran dapat dibentuk.

Sejarah dipenuhi dengan masalah persekitaran akibat ketidakpekaan masyarakat terhadap alamnya dan pencinta alam dikatakan merupakan mereka-mereka yang telah mempunyai kesedaran. Hasil dari ketidakpekaan ini sering wujud ketiadaan sokongan di dalam budaya demokrasi yang mementingkan sokongan ramai. Selain daripada kepekaan terhadap ruang persekitaran keberkesanan pengurusan alam

sekitar juga berkait rapat dengan sistem perancangan, rekabentuk dan kawalan pembangunan itu sendiri. Shirvani (1985) memaparkan tiga sebab utama kegagalan penerapan ciri-ciri persekitaran di dalam tugas perancang dan perekabentuk. Sebab pertama adalah sifat pelan pembangunan yang pada asasnya tidak berbentuk fizikal. Masalah kedua adalah ketiadaan kaedah mudah yang dapat mengintegrasikan isu-isu persekitaran ke dalam pelan-pelan struktur dan tindakan. Aspek ketiga melihat kepada masalah kajian perancangan itu sendiri di mana jika faktor-faktor persekitaran dimasukkan, fokusnya hanya kepada alam semulajadi dan bukannya kepada hubungan antara alam budaya dan alam semulajadi. Perkara ketiga disandarkan sebagai konteks perbincangan konsepsualisasi ruang dan habitat Melayu ini .

KEPEKAAN PERSEKITARAN

Penyingkapan masalah ketidakpekaan persekitaran perlu dilihat dari kedua-dua bidang perancangan pembangunan dan pengurusan alam sekitar serta hubungan masyarakat dalam kedua-dua bidang tersebut. Di sini perlu dinyatakan sekali lagi bahawa persekitaran semulajadi di Malaysia, malahan di mana-mana sekali pun, tidak terdiri sendiri. Ia mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat setempat.

Perancangan pembangunan masa kini melihat persekitaran dari aspek alam bina. Kefahaman teknikal tentang ciri fizikal persekitaran tertumpu kepada aspek kejuruteraan dan penentuan had-had piawai yang sesuai, manakala kefahaman budaya dan kehendak serta keperluan masyarakat pula tertumpu kepada aspek-aspek ekonomi, sosial, politik dan pentadbiran.

Menjurus kepada governans alam sekitar, penekanan kefahaman teknikal diberikan kepada aspek sains persekitaran di mana apa yang penting adalah proses dan tindakbalas alam semulajadi secara menyendiri. Faktor budaya yang diketengahkan dalam bidang ini selalunya cuma merupakan faktor estetik dan moral persekitaran.

Jika keadaan ini diperhatikan, terdapat tiga masalah utama yang membawa kepada ketidakpekaan persekitaran. Pertama adalah perbezaan pendekatan, bahasa dan maklumat yang digunakan oleh kedua-dua bidang. Kedua, perbezaan asas sokongan disebabkan oleh perbezaan pendekatan dan bahasa tadi. Faktor ketiga adalah pemisahan alam budaya dari alam semulajadi dalam membincangkan persekitaran.

Perbezaan bahasa di sini merujuk kepada kaedah persembahan dan jenis maklumat yang digunakan oleh bidang-bidang tersebut. Jika sains perancangan sering dipersoalkan sebagai suatu perkara yang tidak mungkin, tiada keraguan yang timbul tentang kaedah saintifik analisis asas persekitaran. Sebaliknya penjelasan dan maklumat sosio-budaya yang diketarakan oleh perancangan pembangunan mudah dilihat lebih rasional daripada penjelasan estetik yang masih dirasakan sebagai perjuangan elitis. Akibat dari perbezaan bahasa dan jenis maklumat yang digunakan, antara pendekatan rasio dan rasa, dapatan-dapatan dari satu pihak sering kali tidak diketahui oleh pihak yang lain dan ini menimbulkan masalah kesinambungan antara perancangan pembangunan dan pengurusan alam sekitar.

Lanjutan dari masalah ketidakseragaman bahasa ini adalah pemecahan asas sokongan untuk pengurusan persekitaran yang berkesan. Pernyataan-pernyataan teknikal kebanyakan laporan dampak alam sekitar kerap kali ditulis bukan untuk kemudahan kefahaman ramai tetapi untuk pakar-pakar saintis. Begitu juga halnya dengan perincian piawaian kejuruteraan yang kurang jelas kepentingannya kepada masyarakat umum. Apabila keadaan buta kefahaman ini wujud di kalangan masyarakat, terutama masyarakat yang tidak berpendidikan tinggi, kepentingan sesuatu isu itu dengan sendirinya tidak diendahkan. Ditambah pula dengan penekanan terhadap ekonomi dan sosial yang lebih mudah difahami penduduk umum, adalah tidak menghairankan apabila dilihat perancangan pembangunan yang mendapat sokongan ramai tidak semestinya membawa kebaikan kepada persekitaran umum.

STRUKTUR PERSEKITARAN MASYARAKAT TEMPATAN

Terdapat tiga elemen tentang persekitaran yang didapati memainkan peranan penting dalam membentuk kefahaman dan guna sekitaran Melayu (Julaihi & Abdul Hadi 1991);

1. Persekitaran informal
2. Identiti tersirat
3. Fenomena ruang terapung

Pendekatan masa kini tentang pengurusan alam sekitar membahagikan ruang persekitaran itu secara formal. Ini dapat diperhatikan sama ada pada peringkat mikro di mana terdapat barisan

pokok atau kawasan padang yang dipisahkan secara formal dari elemen-elemen binaan dan aktiviti lain, atau pada peringkat makro di mana kawasan-kawasan hutan simpan, zon-zon persekitaran sensitif, dan kawasan pemeliharaan lain terpisah berdasarkan batasan yang nyata. Walau bagaimanapun, komuniti tradisional jarang mempunyai pembahagian sedemikian dalam proses pengalaman persekitaran.

Komuniti tradisional khususnya dan komuniti Malaysia umumnya tidak melihat persekitaran secara terasing. Pegangan pelopor-pelopor klasik gerakan persekitaran seperti George Perkins Marsh dan Muir adalah persekitaran untuk persekitaran di mana hak persekitaran itu di samakan dengan hak manusia dan disanjung seakan-akan kepercayaan agama. Masalah komunikasi idea yang dihadapi oleh gerakan-gerakan persekitaran hari ini sebahagiannya disebabkan oleh pendekatan terasing ini. Perbincangan tentang persekitaran di Malaysia dan di antara penduduk tradisional khususnya tidak boleh memisahkan alam bina dan alam semulajadi.

Identiti tersirat merupakan salah satu perbezaan utama antara pendekatan masyarakat tradisional Malaysia dengan masyarakat barat dalam aspek rekabentuk, termasuk rekabentuk persekitaran. Budaya barat menekankan kejelasan, paparan dan yang tersurat dalam rekabentuk persekitaran mereka. Budaya timur, lebih condong kepada yang tersirat, yang lembut dan yang terkias. Pandangan terhadap persekitaran juga dipengaruhi oleh budaya ini. Jika budaya barat menekankan identiti nyata dalam hutan-hutan simpan dan rekreasi, taman-taman satu gunaan, dan barisan lurus tumbuh-tumbuhan, budaya tradisional menekankan integrasi persekitaran semulajadi ke dalam persekitaran aktiviti.

Implikasi terhadap *governans* persekitaran adalah kejanggalan penekanan *persekitaran untuk persekitaran* tanpa hubungan dengan kehidupan. Budaya yang membentuk persekitaran itu sendiri diketepi, apatah lagi konsep-konsep tradisional tentang persekitaran. Namun untuk memahami hubungan masyarakat dengan persekitaran, asas konseptualisasi tradisional seperti mitos dan kosmologi, perlu diberi perhatian yang lebih mendalam.

MITOS DAN KOSMOLOGI SEBAGAI ASAS KONSEPSUALISASI RUANG

Peranan mitos dalam pembangunan habitat menerusi pemberian ‘nyawa’ atau ‘roh’ kepada rekabentuk yang mana dapat dikaitkan dengan penduduknya. Ia juga boleh menterjemah rekabentuk habitat kepada alat komunikasi yang lebih baik, terutamanya dalam komunikasi budaya. Petempatan merupakan artifak budaya yang paling ketara dan mitologi dapat membantu memberikannya identiti untuk digambarkan.

Maranda (1972) memberikan ungkapan yang dapat memulakan perbincangan:

"Mitos memaparkan sistem-sistem

Definisi mitologi oleh semantik terstruktur, umumnya berasaskan sesuatu budaya, terkongsi sama dan membolehkan ahli-ahli dalam ruang budaya tersebut memahami satu sama lain dan menangani apa yang tidak diketahui. Lebih khusus lagi, mitos merupakan wacana dengan gaya tersendiri yang menyampaikan komponen-komponen utama sistem semantik."

Seperkara yang perlu difahami adalah mitologi dalam kebanyakan negara membangun bukan merupakan suatu tinggalan. Ia terjelma dalam pelbagai istiadat dan kepercayaan yang masih dihayati. Di Malaysia contoh-contoh seperti Ulik Mayang dan Main Puteri masih merupakan sebahagian daripada kehidupan tradisional sesetengah kawasan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Malahan adat pembinaan rumah tradisional juga banyak berbau sumber mitos yang mana di antaranya adalah kitab Tajul Muluk.

Perbincangan tentang mitos dalam pembentukan habitat tradisional Melayu selalunya berkisar pada ritual, magis dan elemen-elemen animisme. Perihal ini telah lama dibincangkan (contohnya Sumintardja 1978). Bahagian seterusnya akan menjurus kepada aspek-aspek senibina tradisional yang boleh digunakan oleh arkitek dan aliran senibina moden bagi tujuan pembentukan identiti senibina dan rekabentuk komuniti untuk masyarakat hari ini dan akan datang.

Sebagai contoh terdapat pelbagai catatan mitologi yang menjelaskan kenapa rumah Banjar mempunyai bumbung yang tinggi dan lantai yang dinaikkan pada aras berbeza. Di sini prinsip menghormati yang tua di samping perbezaan ruang aktiviti untuk kaum wanita dan lelaki dijadikan sebab utama untuk rekabentuk sedemikian.

Mitologi dalam Konteks Malaysia dan Serantau

Malaysia berakar-budayakan budaya Malayo-Polinesia atau Kepulauan Melayu. Rekod budaya bertulis terawal ditemui di antara abad pertama dan ke empat bersabit tamadun-tamadun Melayu Campa dan Sumatera Selatan (Hussein et al. 1989). Budaya lebih separuh rakyat Malaysia ini merupakan identiti dan budaya nasional yang juga dijadikan asas perkembangan senibina Malaysia.

Terdapat tiga kategori utama mitos dalam budaya Melayu; Salasilah, Hikayat dan Seloka. Tulisan-tulisan utama salasilah termasuk Sejarah Melayu, Tuhfat Al-Nafis dan Misa Melayu. Antara hikayat-hikayat yang lebih terkenal pula Hikayat Malim Dewa dan Hikayat Malim Deman yang diceritakan oleh Pawang Ana dan ditulis oleh R.O. Windstedt dan R.J. Sturrock. Hikayat-hikayat lain termasuk Hikayat Awang Sulong Merah Muda dan Hikayat Anggun Che Tunggul. Seloka pula selalunya cerita-cerita pendek dan pantun seperti cerita Pak Pandir, Pak Kadok, Hikayat Bayan Budiman dan pelbagai pantun yang ada. Sumber-sumber ini merupakan catatan mitos yang digunakan untuk menganalisis kemungkinan pembentukan prinsip untuk senibina dan rekabentuk komuniti.

Beberapa Perspektif Tradisional Rekabentuk

Terdapat sekurang-kurangnya enam sudut rekabentuk yang digambarkan menerusi pelbagai komentari mitos:

1. Pendekatan rekabentuk holistik
2. Elemen-elemen komuniti
3. Konsep budi
4. Analisis ruang mikro
5. Symbolisme
6. Penekanan terhadap tahap dan hubungkait kemanusiaan

Pendekatan rekabentuk yang holistik

Penulisan-penulisan hikayat yang diteliti menunjukkan bahawa rekabentuk, senibina dan perancangan komuniti tidak pernah terpisah dari komuniti itu sendiri. Kecenderungan dalam senibina moden ialah untuk melihat rekabentuk itu sebagai sesuatu yang terasing. Walaupun

keperluan komuniti mungkin tersirat dalam senibina moden, apa yang ditekankan ialah struktur atau pelannya.

Pendekatan sistem dan ekologi tradisional

*Medannya indah bukan kepalang,
Rantaunya luas bagai dibentang,
Tebingnya tinggi bagai diraut,
Pasirnya serong bentuk taji,
Batunya ada besar dan kecil,
Yang kecil pelontar balam,
Jika untung kena ke balam,
Jikalau tidak kena ke tanah;
Menderu selawat ibu ayam,
Elang disambar punai tanah.*

(Pawang Ana & Raja Haji Yahya 1963)

Petikan dari Hikayat Malim Deman oleh Pawang Ana dan Raja Haji Yahya (1963) ini menunjukkan pandangan terkamil terhadap persekitaran dan manusia serta hubungkait antara keduanya. Petikan itu menggambarkan keindahan sifat Negeri Bandar Muar yang menjadi kias kepada ketampanan anak raja. Petikan tersebut bermula dengan pujian keindahan estetik secara menyeluruh (penekanan kepada keindahan medan dan keluasan rantau). Seiringan dengan budaya yang menekankan penghayatan perincian dan seni petikan tersebut menceritakan bentuk tebing (bagai diraut), pasir (bentuk taji) dan batu (besar dan kecil).

Petikan tersebut kemudiannya menghubungkan terus fungsi elemen persekitaran tersebut (batu) dengan aktiviti manusia (melontar balam). Lanjutan dari penglibatan manusia, dampak yang terhasil sama ada yang dijangka (kena ke balam) atau tidak (kena ke tanah) dinyatakan juga. Kesan sampingan ke atas persekitaran juga dinyatakan dengan halus melalui kesan-kesan kepada elemen fauna.

Kajian tentang kendalian informal ruang di kawasan kajian menunjukkan dua faktor utama yang terlibat: *tempat pelbagai fungsi dan fungsi pelbagai tempat; dan kekaburan imej serta batasan*. Tempat pelbagai fungsi dan fungsi pelbagai tempat ini mewakili dua aspek fenomena yang sama di mana informaliti ruang adalah dominan. Kekaburan imej dan batasan (meminjam definisi batasan Lynch (1960)

untuk elemen bentuk bandar) merupakan ciri- ciri fizikal informaliti. Ia ternyata pada ketiadaan pemisahan antara akses dan halaman di kawasan perkampungan. Contoh-contoh biasa untuk tempat pelbagai fungsi di Malaysia dan dibuktikan sekali lagi di komuniti persisiran Kuching, Sarawak adalah tempat-tempat basuhan dan warung makanan. Dari aspek landskap penggunaan pokok sebagai batasan tidak formal adalah contoh utama penekanan kepelbagaian penggunaan.

Elemen-elemen komuniti

Penjelasan tentang komuniti diberikan tempat dalam tradisi mitos tempatan. Kedua-dua hikayat dan sejarah mencatatkan apa yang penting dan yang paling kerap dinyatakan termasuk;

1. Kekuatan dan keselamatan bandar
2. Aktiviti ekonomi
3. Estetik dan riadah
4. Kerajaan
5. Rakyat jelata
6. Sistem pengairan

Kekuatan bandar itu sering dinyatakan menerusi senjata yang ada terutamanya meriam dan senapang, begitu juga kapal-kapal perang) dan kotanya. Di waktu peperangan antara negeri menjadi kelaziman, kepentingan elemen-elemen ini tidak menghairankan. Bagaimanapun, tradisi mitos ini sentiasa menekankan aspek ekonomi bersama-sama dengan aspek estetik, begitu juga aspek keselamatan tadi. Penjelasan tentang aktiviti ekonomi diberikan dalam bentuk jenis kapal perdagangan (sloop dan tongkang), barangannya (sutera, lilin, emas dan perak), begitu juga kedai-kedainya (berjajar dan bertingkat). Aspek estetik pula menekankan taman, kolam dan keindahan umum sesebuah kawasan.

Kedai Cina berbaris baris,

Kedai India bertompok-tompok

Tanah bagai dibentang

Hikayat Malim Deman (Pawang Ana & Raja Haji Yahya 1963)

Komentari mitos, sama ada bertulis mahupun dituturkan, telah lama menjadi sumber hiburan keluarga dan komuniti dalam masyarakat tradisional. Dalam masyarakat moden ia sekadar bahan bacaan untuk kajian sastera lama dan dongeng rakyat.

KESIMPULAN

Komentari mitologi walau bagaimana juga merupakan asas identiti untuk budaya. Mitos membayangkan idealisme masyarakat dan membuka sebuah lorong kefahaman kepada proses kognitif yang mengalir tindak laku komuniti hari ini. Dengan lain perkataan, mitos memberi kunci kepada memahami persepsi masyarakat tentang pelbagai perkara, termasuk senibina dan rekabentuk komunitinya.

Kepentingan semasa di Malaysia tentang integrasi nilai budaya ke dalam rekabentuk senibina dan komuniti telah menimbulkan beberapa persoalan penting. Apakah nilai-nilai budaya yang dinyatakan? Cubaan pengintegrasian budaya ke dalam senibina dan rekabentuk komuniti moden selalunya membawa kepada adaptasi pelbagai motif dan susunan fizikal tradisional kepada bangunan dan susun atur moden. Ia seringkali tergambar dalam bentuk bumbung Minangkabau dan pepohon palma di pusat-pusat bandar. Walaupun menyerikan sekitaran dan indah dipandang, fungsi bentuk-bentuk ini kerap kali tidak jelas – walaupun kepada perekabentuk. Walaupun mengetepikan fungsi untuk sementara, keseluruhan proses mengabaikan ciri-ciri utama budaya dan mempersembahkan ekspresi permukaannya sahaja. Pilihan elemen-elemen yang digunakan untuk menggarap budaya sering kali berasaskan pandangan arkitek dan bukannya komuniti. Dengan itu apa yang diambil ialah rekabentuk fizikal yang nyata tanpa kefahaman tentang ideal, mores dan norma budaya yang mendasari sesebuah rekabentuk.

RUJUKAN

- Hussein, I. et al. 1989. *Tamadun Melayu* vol. 2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Julaihi Wahid & Abdul Hadi Harman Shah. 1991. Community design of coastal communities in Kuching, Sarawak. *Sarawak Museum Journal* XLII(63): 251-266.
- Lynch, K. 1960. *The image of the city*. Cambridge: MIT Press.
- Maranda, P. (ed.). 1972. *Mythology*. Baltimore: Penguin books.

- Pawang Ana & Raja Haji Yahya. *Hikayat Malim Dewa*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Pawang Ana & Raja Haji Yahya. 1963. *Hikayat Malim Deman*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sack, R. 1980. *Conceptions of space in social thought*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Shirvani, H. 1985. *Urban design process*. New York: Van Nostran-Reinhold.
- Sumintardja, D. 1978. *Kompendium sejarah arsitektur Indonesia*. Yayasan LPMB.

Abdul Hadi Harman Shah
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: aharmans@ukm.my

Julaihi Wahid
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.